

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**ARAHAN KETUA PENGARAH KESIHATAN
DI BAWAH SEKSYEN 26A AKTA RACUN 1952 [AKTA 366]**

BILANGAN 3 TAHUN 2023

**ARAHAN BERKENAAN LARANGAN PENJUALAN SECARA BORONG RACUN UNTUK
TUJUAN PENGALAK TUMBESARAN ATAU PENCEGAHAN PENYAKIT HAIWAN
OLEH AHLI FARMASI BERLESEN DI BAWAH AKTA RACUN 1952**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 26A Akta Racun 1952 [Akta 366],
Ketua Pengarah Kesihatan mengeluarkan arahan yang berikut:

1. TUJUAN

1.1 Arahan ini ditujukan kepada ahli farmasi berlesen di bawah Akta 366 yang menjual secara borong racun untuk tujuan penggalak tumbesaran atau pencegahan penyakit haiwan.

1.2 Arahan ini adalah untuk menetapkan berkenaan larangan penjualan secara borong racun untuk tujuan penggalak tumbesaran atau pencegahan penyakit haiwan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kementerian Kesihatan Malaysia telah menerima saranan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar berkaitan racun dalam makanan haiwan iaitu untuk melarang penggunaan racun dalam makanan haiwan untuk tujuan penggalak tumbesaran atau pencegahan penyakit selaras dengan cadangan fasa pertama '*phasing out antimicrobial*' oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

2.2 Oleh itu, arahan ini dikeluarkan kepada ahli farmasi berlesen bagi memperincikan larangan penjualan secara borong racun untuk tujuan penggalak tumbesaran atau pencegahan penyakit haiwan.

3. PELAKSANAAN

3.1 Arahan-arahan berikut hendaklah dipatuhi oleh ahli farmasi berlesen yang menjual secara borong racun untuk tujuan penggalak tumbesaran atau pencegahan penyakit haiwan.

3.1.1 Larangan Penjualan Secara Borong Racun Untuk Tujuan Penggalak Tumbesaran Atau Pencegahan Penyakit Haiwan

Ahli farmasi berlesen dilarang menjual secara borong racun yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Makanan Haiwan (Antibiotik, Hormon dan Bahan Kimia Lain Terlarang) 2012 dan pindaan peraturan tersebut yang terkini serta lima belas (15) racun untuk tujuan penggalak tumbesaran atau pencegahan penyakit haiwan seperti berikut:

Bil.	Racun Terlibat
1)	Amoxicillin
2)	Ampicilin
3)	Benzyl Penicilin
4)	Cefalexin
5)	Chlortetracycline/ Chlorotetracycline
6)	Florfenicol
7)	Lincomycin
8)	Neomycin
9)	Norfloxacin
10)	Oxytetracycline
11)	Spectinomycin
12)	Sulfadiazine

- 13) Sulfamonomethoxine
- 14) Tilmicosin
- 15) Tylvalosin

4. PEMAKAIAN


Arahan ini adalah terpakai kepada semua ahli farmasi berlesen yang menjual racun secara borong untuk tujuan penggalak tumbesaran atau pencegahan penyakit haiwan.

5. PEMATUHAN

Kegagalan mematuhi arahan ini merupakan suatu kesalahan di bawah subseksyen 26A(3) Akta 366 dan jika sabit kesalahan boleh dihukum di bawah subseksyen 32(2) Akta 366.

6. TARIKH KUAT KUASA

Tarikh kuat kuasa arahan ini ialah mulai 31 Oktober 2023.



(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 31/10/23